

Oleh Siti Fatimah Hassan
sfhassan@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Mudah urusan **asnaf**

■ MAIWP lancar van Kaunter Bergerak jejak golongan layak

Golongan asnaf tercibir bantuan Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) tidak perlu lagi ke pejabat untuk membuat permohonan sebaliknya boleh dilakukan di van Kaunter Bergerak Baitulmal yang dilancarkan, semalam.

Van bernilai RM300,000 itu membantu MAIWP meningkatkan usaha menjejak golongan asnaf yang terlepas pandang di sekitar Wilayah Persekutuan daripada menerima bantuan sepatutnya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, kaunter bergerak itu berfungsi seperti pejabat dan segala urusan berkaitan permohonan bantuan dilakukan di van berkenaan.

Katanya, ia demi memudahkan golongan asnaf terbabit yang mungkin sukar atau tidak tahu ke pejabat MAIWP untuk membuat permohonan bantuan.



JAMIL Khir (dua dari kanan) merasmikan Kaunter Bergerak Baitulmal MAIWP, semalam.

"Ini kerana jangkauan kita terlalu luas dalam kawasan Wilayah Persekutuan ini dan kadangkala ada asnaf yang

mungkin tidak tahu atau tidak biasa dengan pejabat MAIWP.

"Tumpuan kita menyedia-

kan kaunter bergerak ini menerusi penganjuran ekspo tertentu, pasar malam mahupun program secara ber-

kala.

"Borang permohonan juga turut diproses di sini dan jika layak mereka dimaklumkan

dalam tempoh lima hari. Ini inovasi yang baik untuk beri kemudahan kepada asnaf mendapatkan bantuan," katanya selepas melancarkan van Kaunter Bergerak Baitulmal MAIWP, di sini, semalam.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP Datuk Zainal Abidin Jaffar dan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Datuk Othman Mustapha.

Terdahulu, Jamil Khir mengagihkan Bantuan Pakaian Persekolahan Baitulmal MAIWP kepada pelajar sekolah rendah dan menengah bagi sesi persekolahan 2016.

Seramai hampir 25,000 pelajar menerima bantuan persekolahan bernilai RM250 ke bawah dan tambahan RM130 lagi bagi pelajar yang mengikuti kelas Sekolah Rendah Agama (SRA) dan Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) dan kos keseluruhan membabitkan RM6.5 juta.

Jamil Khir berkata, bantuan itu diberi lebih awal bagi memudahkan semua ibu bapa membuat perancangan perbelanjaan sesi persekolahan baru dengan lebih terancang.

"Ini juga bertujuan memberikan dorongan kepada ibu bapa mengurangkan beban perbelanjaan persekolahan anak masing-masing," katanya.

Harian metro
17/10/2015
mls 34